

TRENTAL® TABLET

Pentoxifylline 400 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Trental
2. Bagaimana Trental berfungsi
3. Sebelum mengambil Trental
4. Cara menggunakan Trental
5. Semasa menggunakan Trental
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Trental
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Trental

Trental boleh digunakan untuk merawat:

- penyakit vaskular periferal (peredaran darah yang kurang memuaskan ke tangan dan kaki).
- *Intermittent claudication* (sakit semasa berjalan atau berehat disebabkan oleh peredaran darah yang kurang memuaskan ke kaki).
- Gangguan peredaran *cerebral* (gangguan peredaran darah ke otak yang menyebabkan banyak keadaan yang berkaitan dengan fungsi neurologi contoh: vertigo & kemerosotan ingatan)

Bagaimana Trental berfungsi

Trental mengandungi ubat yang dipanggil *pentoxifylline*.

Ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *vasodilators* periferal. Ia menyebabkan perubahan dalam darah yang membantu meningkatkan aliran darah lalu meningkatkan peredaran di kawasan yang mempunyai aliran darah terjejas.

Sebelum mengambil Trental

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Trental jika:

- Anda alah (hipersensitif) kepada *pentoxifylline*, ubat-ubatan lain yang sama seperti *theophylline* atau *aminophylline* atau mana-mana bahan-bahan lain Trental (lihat Seksyen 8:

Maklumat lanjut) Tanda-tanda tindak balas alahan termasuk: ruam, masalah menelan atau bernafas, Bengkak bibir, muka, tekan atau lidah

- Anda mengalami pendarahan *major*
- Anda telah mengalami pendarahan di dalam mata (pendarahan retina)

Jangan mengambil ubat ini jika mana-mana di atas berlaku kepada anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Trental.

Sebelum mula mengambil

Berhati-hati dengan Trental jika

- Anda rasa pening, pening atau pengsan apabila anda berdiri atau duduk terlalu cepat (hipotensi)
- Anda mempunyai masalah dengan bekalan darah ke jantung anda yang disebabkan oleh pengerasan atau penyempitan arteri
- Anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Trental.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba. Ini adalah kerana Trental boleh mempengaruhi cara berfungsi beberapa ubat-ubatan yang lain. Terdapat juga ubat-ubatan lain yang boleh menjelaskan fungsi Trental.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana daripada yang berikut:

Trental boleh meningkatkan kesan ubat-ubatan berikut:

- Ubat untuk kencing manis termasuk pil atau insulin
- Ubat untuk tekanan darah tinggi
- Ubat cair darah seperti warfarin

Apabila diambil dengan Trental, ubat-ubatan berikut meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan:

- *Theophylline* digunakan untuk merawat bunyi nafas berdehit atau sukar bernafas

Mengandung dan menyusu

Anda tidak harus mengambil Trental jika anda hamil. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

Jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusu, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Trental. Ini adalah kerana kuantiti kecil ubat mungkin masuk ke dalam susu ibu.

Memandu dan menggunakan mesin

Anda mungkin berasa pening ketika mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan apa-apa alat atau mesin.

Cara menggunakan Trental

Sentiasa mengambil Trental tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa termasuk warga tua

Dos permulaan yang biasa ialah 1 tablet (400mg) dua atau tiga kali sehari.

Pesakit dengan masalah buah pinggang

Doktor anda boleh memberikan anda dos yang lebih rendah jika perlu.

Bila perlu digunakan

Ambil Trental dengan atau selepas makan.

Mengambil ubat ini:

- Ambil ubat ini dengan mulut
- Telan tablet secara keseluruhan dengan minuman air

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat anda selagi doktor mempreskripsikannya untuk anda.

Sila berbincang dengan doktor anda sebelum anda merancang untuk menghentikan rawatan.

Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa satu dos, ambil secepat mungkin selepas anda ingat
- Walau bagaimanapun, jika masa teringat adalah masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal
- Jangan ambil dos yang berganda untuk mengganti balik dos yang terlupa

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih tablet daripada yang anda perlu, berbincang dengan doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Kesan-kesan berikut boleh berlaku:

- loya
- muntah
- degupan jantung yang cepat
- tekanan darah menurun
- demam
- keresahan
- reaksi kulit
- hilang kesedaran
- sawan

Semasa menggunakan Trental**Perkara yang perlu dilakukan**

- Ambil ubat ini dengan mulut
- Jika anda rasa kesan ubat anda terlalu lemah atau terlalu kuat, jangan mengubah dos diri sendiri, tetapi mendapatkan nasihat doktor anda

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan memberikan ubat ini kepada kanak-kanak.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Trental, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.
- Jangan berhenti mengambil Trental hanya kerana anda berasa lebih baik. Jika anda berhenti, penyakit anda boleh menjadi lebih teruk.

Perkara yang perlu diberi perhatian**Memandu dan menggunakan mesin**

Anda mungkin berasa pening ketika mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan apa-apa alat atau mesin.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Trental boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapat mereka.

Berhenti mengambil Trental dan berjumpa dengan doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera jika;

- Jika anda mempunyai reaksi alahan. Tanda-tanda mungkin termasuk: ruam, masalah bertelan atau bernafas, Bengkak bibir, muka, tekak atau lidah
- Jika anda mengalami keadaan yang dipanggil *aseptic meningitis*. Tanda-tanda termasuk sakit kepala, ketegangan leher, sakit mata atau tidak selesa dalam cahaya terang

Beritahu doktor anda secepat mungkin jika anda mempunyai apa-apa kesan sampingan yang berikut atau yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini:

- Anda lebam lebih mudah daripada biasa. Ini mungkin disebabkan oleh gangguan darah (*thrombocytopenia*).
- Peningkatan atau degupan jantung yang cepat (*tachycardia*)
- Sakit dada (*angina*)
- degupan jantung yang tidak teratur (aritma jantung)
- Rasa sakit (loya atau muntah), cirit-birit
- Sakit kepala, rasa pening, pening atau pengsan
- Rasa panas (*Flushing*)
- Rasa gelisah, masalah tidur
- Satu penyakit di mana pengeluaran hempedu daripada hati disekat (*intrahepatic cholestasis*). Tanda-tanda termasuk kulit menguning, ruam atau demam, dan warna air kencing menjadi gelap
- Ketidakselesaan atau kembung di bahagian perut

Ujian darah

Trental boleh mempengaruhi tahap enzim hati yang ditunjukkan dalam ujian darah. Ini boleh bermakna bahawa hati anda tidak berfungsi dengan betul.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan**Trental**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, bincangkannya dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 25°C.
- Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
- Jangan gunakan Trental selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada kotak itu. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Jangan gunakan Trental jika anda perasan tablet anda berpecahan, patah atau berubah warna.

Pelupusan

- Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Trental adalah tablet bujur bersalut merah jambu.

Mereka dibekalkan dalam kotak 30 tablet bersalut *film*.

Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif

Setiap tablet bersalut filem dengan pelepasan beransur mengandungi pentoxifylline 400mg.

Bahan-bahan tidak aktif

- Hydroxyethyl cellulose
- Talcum
- Polyvinilpirrolidone K-25
- Magnesium stearate
- Opandry II pink
- Purified water
- Colouring agent-D&C Red No. 27

Nombor MAL :

Tablet Trental 400mg:
MAL19990996A

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Pengilang

sanofi-aventis de Mexico, S.A. de C.V.
Acueducto del Alto Lerma No. 2
Zona Industrial Ocoyoacac,
52740 Ocoyoacac, Edo. de Mexico.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sanofi-aventis (Malaysia) Sdn. Bhd.
Unit TB-18-1, Level 18, Tower B,
Plaza 33
No.1 Jalan Kemajuan,
Seksyen 13,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini disediakan pada
07 Oktober 2014(rujukan CCDS V4).

BPK(R4/1)031014/00028